

# 6 kolej universiti awam naik taraf bulan depan

## Perlembagaan baru dirangka, ubah suai pentadbiran organisasi

Oleh Khairina Yasin

**S**EMUA enam kolej universiti awam akan dinaik taraf universiti mulai bulan depan, sejajar dengan usaha kerajaan meningkatkan daya saing institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan antarabangsa.

Ketua Pengarah, Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr Hassan Said, ketika diminta mengesahkan perkara itu, berkata institusi terbabit ialah Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Kustem) dan Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim).

Empat lagi, Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem), Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO), Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (Kukum) dan Kolej Uni-

versiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM).

Berikut itu, beliau berkata, kolej universiti terbabit akan dikenali dengan nama baru, iaitu Universiti Malaysia Terengganu bagi Kustem dan Universiti Sains Islam Malaysia (Kuim).

Universiti Malaysia Pahang (Kuktem), Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO), Universiti Malaysia Perlis (Kukum) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (KUTKM).

"Sejajar dengan naik taraf ini, kementerian kini dalam proses menyediakan perlembagaan baru setiap universiti bagi menggantikan yang sedia ada, selain mengemaskini aspek pentadbiran organisasi, opsyen kakitangan, kewangan dan arahan transisi.

"Perubahan ini memerlukan sedikit pemantapan peringkat akhir dan pengumuman rasmi mengenainya akan dibuat Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, awal

bulan depan," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, semalam.

Hassan berkata, perkembangan itu dilihat boleh meningkatkan keupayaan negara melahirkan lebih ramai graduan mempunyai kepakaran sains dan teknikal yang kini diperlukan sektor industri negara.

Laporan akhbar baru-baru ini, metrik Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Kiat sebagai berkata, usaha itu bermatlamat khusus memastikan kolej universiti terbabit memberi fokus kepada bidang pengajian sains serta teknologi, sekali gus memantapkan amalan katedah vokasional dan teknologi seperti dilakukan di Perancis dan Jerman.

Ong berkata, pengambilan pelajar kolej universiti itu juga akan dihadkan supaya dapat memanfaatkan sepenuhnya kemudahan peralatan dan mesin, selain memudahkan pemandangan serta penyesuaian modul pengajaran menepati keperluan sektor industri.

Sementara itu, Rektor Kustem, Prof Datuk Dr Sulaiman Md Yassin, ketika dihubungi menyifatkan kenakan taraf itu petanda baik bahawa IPTA mampu menjadi pusat kecermerlangan pendidikan.

Katanya, Kustem sememangnya dari dulu bergerak sebagai sebuah universiti dengan menyediakan program berkualiti, kampus kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran, selain melahirkan inovasi dan hasil penyelidikan membanggakan.

"Sehubungan itu, kita sudah bersedia untuk menjadi sebuah universiti yang memfokuskan bidang sains dan teknologi. Satu daripada sasaran kami ialah memberi tumpuan kepada bidang pembangunan dan penyelidikan.

"Selain itu, kita akan terus memberi penekanan kepada bidang pengkhususan seperti bioteknologi, sains maritim, biodiversiti dan pengurusan maritim apabila berstatus universiti kelak," katanya.